



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
BAGI PEMBUKAAN OPERASI PASAR MALAM,
PASAR SEHARI, PASAR TANI, PASAR PAGI, PASAR
LAMBAK DAN BAZAR KARAT DI DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP) TAHUN 2020 DI DALAM KAWASAN
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
BAGI PEMBUKAAN OPERASI PASAR MALAM, PASAR SEHARI, PASAR TANI,
PASAR PAGI, PASAR LAMBAK DAN BAZAR KARAT DI DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) TAHUN 2020
DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

1.0 PENDAHULUAN

Majlis Perbandaran Segamat (MPS) telah bersetuju untuk membenarkan pembukaan operasi pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat berkuat kuasa bermula pada 01 Julai 2020 secara berperingkat di lokasi terpilih di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Syarat-syarat yang terkandung di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) ini hendaklah dipatuhi oleh peniaga dan pengunjung sepanjang pembukaan operasi pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat berkenaan. Ia merupakan langkah-langkah di dalam mencegah penularan wabak virus korona (COVID-19) bagi setiap aktiviti yang dibenarkan beroperasi di dalam kawasan Majlis Perbandaran Segamat.

2.0 SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN

Semua kelulusan untuk beroperasi adalah menjadi sebagai kebenaran membuka dan beroperasi yang tertakluk kepada keputusan Majlis Perbandaran Segamat.

2.1 Syarat-Syarat Umum Pemegang Lesen:

- a. Pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesen yang telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Segamat di bahagian atau sudut yang mudah dilihat di dalam kawasan petak gerai atau kanopi;
- b. Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir menjalankan dan mengawasi perniagaan. DILARANG sama sekali memindah milik atau menyewa atau menjual petak gerai yang telah dikeluarkan lesen kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Segamat;
- c. Pemegang lesen adalah DILARANG sama sekali menggunakan khidmat WARGANEGARA ASING sepanjang menjalankan operasi perniagaan

pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat;

- d. Pemegang lesen hendaklah sentiasa menyelenggara dan memastikan petak gerai atau kanopi dan perkakas berkaitan perniagaan berada di dalam keadaan bersih;
- e. Pemegang lesen hendaklah MEMATUHI saiz petak gerai atau kanopi, tempoh dan menjalankan operasi perniagaan pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat yang telah diluluskan;
- f. Pemegang lesen hendaklah sentiasa menjaga kebersihan petak gerai atau kanopi semasa dan selepas waktu operasi perniagaan pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat;
- g. Pemegang lesen hendaklah sentiasa MEMPAMERKAN TANDA HARGA pada setiap makanan, barang atau apa-apa benda yang dijual;
- h. Pemegang lesen adalah DILARANG menggunakan polisterina dan beg plastik sekali guna;
- i. Pemegang lesen hendaklah menggunakan produk biodegradasi yang dibenarkan iaitu jenis klasifikasi biodegradasi atau compostable yang telah mendapat pensijilan SIRIM ECO-001:2018 atau SIRIM ECO-009:2016 daripada SIRIM Berhad;
- j. Pemegang lesen adalah DILARANG menggunakan penyedut minuman atau straw jenis plastik;
- k. Pemegang lesen adalah DILARANG menjual barangan tiruan;
- l. Pemegang lesen dikehendaki mencari lokasi yang baharu dan berpindah, sekiranya lokasi yang sedang digunakan untuk beroperasi terlibat dengan aktiviti pembangunan atau penyusunan semula kawasan;
- m. Pemegang lesen hendaklah MEMPERBAHARUI LESEN sekurang-kurangnya enam puluh (60) HARI SEBELUM TARikh AKHIR TEMPOH LESEN;

- n. Pemegang lesen hendaklah melantik pembantu atau pekerja tidak melebihi 3 orang individu yang BERWARGANEGARA MALAYSIA dan berumur 18 tahun ke atas;
- o. Pemegang lesen hendaklah sentiasa memakai pakaian bersih dengan penutup kepala, sarung tangan dan apron;
- p. Pemegang lesen hendaklah mendapatkan suntikan pelalian tifoid dan menyimpan kad suntikan berkenaan sepanjang menjalankan operasi perniagaan;
- q. Pemegang lesen hendaklah mempunyai Sijil Kursus Pengendalian Makanan yang dikendalikan oleh Persatuan Kesihatan Environment Malaysia (MAEH) atau mana-mana Institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hendaklah dikemukakan kepada Majlis Perbandaran Segamat; dan
- r. Pemegang lesen hendaklah menjalankan operasi perniagaan secara berbungkus atau *take away* sahaja.

2.2 Syarat-Syarat Umum

2.2.1 Lokasi

- a. Lokasi hendaklah di kawasan terbuka dan luas;
- b. Lokasi yang mempunyai ruangan tempat letak kereta bagi memudahkan pengunjung;
- c. Lokasi yang boleh dikawal laluan masuk, laluan keluar dan perimeter; dan
- d. Lokasi yang mempunyai laluan masuk dan laluan keluar yang berbeza.

2.2.2 Kedudukan tapak gerai atau kanopi:

- a. Tapak gerai atau kanopi hendaklah sentiasa mempunyai jarak sosial antara antara satu sama lain;

- b. Tapak gerai atau kanopi hendaklah bersaiz 15 x 12 dengan reka bentuk gerai atau kanopi yang seragam; dan
- c. Tapak gerai atau kanopi tidak didirikan struktur kekal di atasnya.

2.2.3 Kawalan keselamatan dan lalulintas:

- a. Kawalan keselamatan dan lalulintas dijalankan oleh Majlis Perbandaran Segamat; dan
- b. Kawalan keselamatan dan lalulintas hendaklah diberi tumpuan kepada laluan masuk dan laluan keluar serta perimeter.

2.2.4 Kawalan kemasukan pengunjung

- a. Pengunjung hendaklah membuat saringan suhu badan, menggunakan cecair penyahkuman atau hand sanitiser dan DIGALAKKAN menggunakan penutup hidung dan mulut;
- b. Pengunjung yang mempunyai suhu melebihi 37.5 °C adalah DILARANG sama sekali memasuki kawasan pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat;
- c. Pengunjung hendaklah memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MY Sejahtera atau mendaftar diri dengan menulis maklumat di dalam buku pendaftaran bagi tujuan '*contact tracing*';
- d. Pengunjung hendaklah tidak terlibat sebagai PUS (Patient Under Surveillance) dan PUI (Patient Under Investigation) atau perintah kuarantin;
- e. Pengunjung yang mempunyai gejala batuk dan selsema hendaklah memakai penutup hidung dan mulut;
- f. Pengunjung yang dibenarkan adalah dua (2) orang bagi satu keluarga sahaja;
- g. Pengunjung yang terdiri daripada kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas tidak digalakkan;

- h. Pengunjung adalah dihadkan untuk berada di dalam kawasan pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat hanya selama tidak melebihi 30 minit;
- i. Pengunjung adalah digalakkan berurusniaga secara *cashless*;
- j. Pengunjung yang berada di dalam kawasan pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat hendaklah sentiasa mengawal pergerakan diri dengan pergerakan sehalia; dan
- k. Pengunjung bagi sesuatu lokasi adalah bergantung kepada saiz kawasan dan ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Segamat.

2.2.5 Waktu operasi perniagaan:

| Bil. | Kategori | Waktu Operasi |
|------|--------------|--------------------------------|
| 1. | Pasar Malam | 4.00 petang hingga 10.00 malam |
| 2. | Pasar Sehari | |
| 3. | Pasar Tani | |
| 4. | Pasar Pagi | 6.00 pagi hingga 11.00 pagi |
| 5. | Pasar Lambak | |
| 6. | Bazar Karat | 5.00 petang hingga 11.00 malam |

2.2.6 Tindakan oleh pelesen, pengendali atau penganjur:

- a. Pelesen, pengendali atau penganjur hendaklah menyediakan satu pelan lokasi yang mengandungi maklumat susun atur tapak gerai atau kanopi, tanda jarak dan tanda arah;
- b. Pelesen, pengendali atau penganjur hendaklah menentukan bilangan tapak gerai atau kanopi yang terlibat di dalam sesuatu operasi perniagaan pasar malam, pasar sehari, pasar tani, pasar pagi, pasar lambak dan bazar karat;
- c. Pelesen, pengendali atau penganjur hendaklah menyediakan satu Jadual Pelesen yang terlibat; dan

- d. Pelesen, pengendali dan penganjur hendaklah menyediakan peralatan yang diperlukan mencukupi bagi memastikan SOP ini dipatuhi.

2.2.7 Tindakan pengawalan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap operasi perniagaan

- a. Tindakan pengawalan, pemantauan dan penguatkuasaan yang terdiri daripada tindakan notis, pengkompaunan, penyitaan barang-barang perniagaan, penarikan balik lesen, pembatalan lesen dan arahan penutupan serta merta boleh diambil terhadap operasi perniagaan sekiranya terdapat kegagalan mematuhi mana-mana syarat-syarat di dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) ini atau mana-mana arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Segamat; dan
- b. Tindakan pengawalan, pemantauan dan penguatkuasaan terhadap operasi perniagaan adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah:
 - i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
 - ii. Undang-Undang Kecil Penjaja (MDS) 2011;
 - iii. Undang-Undang Kecil Pasar Malam / Sehari (MDS)2011;
 - iv. Undang-Undang Kecil Pasar Awam dan Persendirian (MDS) 2011;
 - v. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDS) 2017;
 - vi. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MDS) 2011;
 - vii. Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MDS) 2011;
 - viii. Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan Kerajaan Tempatan (MDS) 2011;

- ix. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342);
- x. Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelanjutan Kuat Kuasa) (No. 5) 2020;
- xi. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 7) 2020; dan
- xii. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompaunan Kesalahan-Kesalahan) (Pindaan) (No. 7) 2020.

3.0 PENUTUP

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini hendaklah **berkuat kuasa bermula dari 01 Julai 2020 sehingga 31 Ogos 2020** dan / atau sehingga ke suatu tarikh pindaan, pelanjutan atau perubahan yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Segamat.

Pemegang lesen dan pengunjung adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) ini dan mana-mana SOP baru, pindaan, tambahan atau perubahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sekian, terima kasih.

MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

21 Jun 2020




LAMPIRAN

PELAN LOKASI PASAR MALAM/ PASAR PAGI

MAJLIS PEBANDARAN SEGAMAT


CADANGAN PERLAKSAAN:-

1. Terdapat **13 lokasi Pasar Malam/ Pasar Pagi** yang akan beroperai mulai **01 Julai 2020** sebagaimana berikut:-
 - Pasar Malam Bandar Segamat
 - Pasar Malam Bandar IOI
 - Pasar Malam Bukit Siput
 - Pasar Pagi Kg. Abdullah
 - Pasar Malam Kg. Jawa
 - Pasar Malam Taman Pelangi, Paya Pulai
 - Pasar Malam Segamat Baru
 - Pasar Malam Jementah
 - Pasar Malam Pekan Jabi
 - Pasar Malam Taman Yayasan
 - Pasar Malam Taman Sri Alam
 - Pasar Malam Buloh Kasap
 - Pasar Malam Gemas Baru
2. Setiap pelesen di beri **satu (1) petak sahaja** bagi kawasan Pasar Malam/ Pasar Pagi yang mempunyai jumlah pelesen yang ramai.
3. Luas petak yang disediakan adalah bersaiz **15' (panjang) x 12' (lebar)**:-




4. Petak akan ditandakan dengan **nombor** dan peniaga akan disusun **mengikut kesesuaian dan ditentukan** oleh Majlis Perbandaran Segamat.

PELAN TAPAK PASAR MALAM BANDAR SEGAMAT 2020



**PELAN TAPAK PASAR MALAM BANDAR
IOI 2020**



JALAN PUTRA 2/23

Jumlah Petak : 15

Kanopi : 15' x 12'

PETUNJUK:



RUMAH KEDAI



PETAK PASAR MALAM

TAPAK PASAR MALAM BUKIT SIPUT 2020

Jumlah Petak : 60

Kanopi : 15' x 12'



PETUNJUK:





RUMAH KEDAI



RUMAH KEDIAMAN



PETAK PASAR MALAM



JALAN EMAS 6




KELUAR




MASUK

JALAN BESAR BUKIT SIPUT

PELAN TAPAK PASAR PAGI KG. ABDULLAH 2020





PETUNJUK:



RUMAH KEDAI



RUMAH KEDIAMAN




PETAK PASAR MALAM


Jumlah Petak : 27

Kanopi : 15' x 12'


JALAN MEDOI

PELAN TAPAK PASAR MALAM PAYA PULAI 2020








PELAN TAPAK PASAR MALAM BULOH KASAP 2020



PELAN TAPAK PASAR MALAM JEMENTAH 2020







TAPAK PASAR MALAM TAMAN YAYASAN 2020

PETUNJUK:



LALUAN MASUK



KEDAI



KHEMAH PASAR MALAM (15'x12')




JALAN BISTARI 4/7

J
A
L
A
N

B
I
S
T
A
R
I

4
/
2



JALAN BISTARI 4/6



→



JALAN BISTARI 4/1

